

Suruhanjaya British alukan langkah Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad — Penarikan semula semua sekatan terhadap pembelian barang-barang Britain yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, disambut dengan gembira oleh Suruhanjaya Tinggi British di sini.

Seorang juruca-

kapnya memberitahu, pengumuman itu benar-benar melegakan mereka dan menganggap segala usaha mereka meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara itu berjaya dan dihargai.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pengumu-

man Datuk Seri Dr Mahathir mengenai penarikan semula arahan itu berikutan dengan perubahan sikap kerajaan British terhadap negara ini.

Arahan itu dikeluarkan pada 1 Oktober 1981 apabila kerajaan British mengetatkan peraturan pengambil alih saham selepas Per-

modalan Nasional Berhad (PNB) berjaya mengambil alih Guthrie Corporation melalui pembelian kilat saham-saham Guthrie di London.

Ia juga sebagai tindak-balas terhadap Britain kerana menaikkan yuran pelajaran penuntut-penuntut seberang laut.

Jurucakap Suruhanjaya British itu berkata, arahan yang dikeluarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir itu merugikan sektor awam Britain yang kehilangan kontrak \$68.6 juta.

Jurucakap itu berkata, pihaknya telah memberitahu London tentang pengumuman itu pagi tadi.